

**PENYERAHAN DOKUMEN BAGI SIJIL PENDAFTARAN
SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD9
(KONTRAK) BILANGAN 2 /2026**

Dimaklumkan seramai **1050** orang calon Pegawai Perubatan Siswazah UD9 (Kontrak) telah terpilih dalam **Program Transformasi Minda (PTM)** pada **tarikh 20 April 2026** dan nama calon yang telah disenarai pendek oleh Bahagian Sumber Manusia KKM boleh disemak melalui <https://mmc.gov.my/main.php>

1. (PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN KALI PERTAMA (1) MELALUI MeRITS)

ATAU

2. (PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN KALI KEDUA (2))

Tuan/Puan yang terlibat dengan sesi PTM tersebut dikehendaki MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BERIKUT SECARA E-MEL KEPADA UNIT PENDAFTARAN SEMENTARA MPM KE ALAMAT E-MEL: provisional@mmc.gov.my

DOKUMEN YANG PERLU DIMUAT NAIK DALAM SISTEM MeRITS.

- i. Salinan Kad Pengenalan yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.
- ii. Salinan Surat Tawaran dari KKM yang disahkan benar (**CERTIFIED TRUE COPY**) bagi setiap halaman bercetak (**3 HELAIAN PERTAMA SAHAJA**)
- iii. Salinan Ijazah Perubatan Atau Transkrip Akhir Perubatan (ditandatangani oleh Presiden, Senat, Rektor atau Pendaftar Universiti) yang disahkan benar bagi setiap halaman bercetak.
- iv. Terjemahan daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) (**ASAL**) (Jika dokumen iii adalah selain daripada Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)
- v. Surat Akuan Sumpah (**ASAL**) (Jika nama pada dokumen ii, iii & iv berbeza dengan nama pada Kad Pengenalan)

Nota: Sila rujuk garis panduan *MMC Guideline for Document Verification* (<https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2022/08/Guideline-doc-verify.pdf>) bagi dokumen yang **disahkan benar**.

2. (PERMOHONAN UNTUK LANTIKAN BAGI GRADUAN YANG MENERIMA SURAT TAWARAN BERSYARAT (STB))

Tuan/Puan yang terlibat dengan sesi PTM tersebut dikehendaki MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI BERIKUT SECARA E-MEL KEPADA UNIT PENDAFTARAN SEMENTARA MPM KE ALAMAT E-MEL: provisional@mmc.gov.my

DOKUMEN YANG PERLU DIHANTAR MELALUI EMEL TERSEBUT:

- i. Salinan Surat Tawaran dari KKM yang disahkan benar (**CERTIFIED TRUE COPY**) bagi setiap halaman bercetak (**3 HELAIAN PERTAMA SAHAJA**)

Tuan/puan boleh menyemak senarai nama di capaian <https://mmc.gov.my/main.php>.

Tuan/Puan juga dikehendaki menyemak **Tindakan Pengamal** yang tertera dalam SENARAI NAMA SESI PENYERAHAN DOKUMEN PENDAFTARAN SEMENTARA BIL. 2/2026 untuk tindakan penyerahan dokumen seperti berikut:

BAGI ARAHAN: SILA E-MEL DOKUMEN PENYERAHAN DI E-MEL PENDAFTARAN SEMENTARA

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen penyerahan seperti yang tertera di atas melalui e-mel mulai pada tarikh **16 MAC 2026 HINGGA 06 APRIL 2026**.

Sila **E-MEL** dokumen berkenaan ke alamat e-mel [**provisional@mmc.gov.my**](mailto:provisional@mmc.gov.my)

ATAU

BAGI ARAHAN: SILA DAFTAR MASUK SEMULA (LOGIN) DAN MUATNAIK DOKUMEN PENYERAHAN MELALUI MeRITS

Tuan/puan adalah **DIWAJIBKAN** mendaftar masuk semula (LOGIN), dan memohon *Provisional Registration Certificate* serta memuat naik dokumen penyerahan seperti di atas melalui Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) mulai pada tarikh **16 MAC 2026 HINGGA 06 APRIL 2026**.

Sila ke pautan [**https://merits.mmc.gov.my/**](https://merits.mmc.gov.my/)

MAKLUMAN PENTING!!

BAGI PENGAMAL YANG PERLU MENGEMUKAKAN DOKUMEN MELALUI E-MEL

Sila E-MELKAN dokumen berkenaan ke alamat e-mel provisional@mmc.gov.my

SILA JANGAN DAFTAR MASUK (LOGIN) AKAUN MERITS sebelum pihak tuan/puan menerima pemakluman emel berkenaan penerimaan dokumen oleh MPM. Selepas dimaklumkan oleh pihak MPM, pihak tuan/puan boleh mengakses Sistem *Medical Register Information and Technical System* (MeRITS) di laman <https://merits.mmc.gov.my/> dan mendaftar masuk dengan memasukkan nombor Kad Pengenalan untuk mengaktifkan akaun MeRITS seperti tarikh yang ditetapkan.

- Sijil Pendaftaran Sementara akan diserahkan melalui e-mel (**softcopy**) bagi pengamal yang telah berdaftar sementara (**untuk lantikan kali kedua (2)**).
- Sijil Pendaftaran Sementara yang dimuat turun dan dicetak sendiri adalah sah digunapakai di sisi undang-undang.

- Sila isi alamat (di bahagian Biodata) dengan maklumat yang betul di setiap bahagian **Address, Postcode, State Dan City** tanpa tanda *comma* (,) di penghujung perenggan dan pengulangan maklumat.

Contoh Pengisian Alamat Yang Betul:

Address	NO.26, JALAN 5/13A TAMAN BUKIT SETIA JAYA (JANGAN ISI POSTCODE, STATE, CITY DI RUANG INI)
Postcode	48000
State	SELANGOR
City	RAWANG

PERINGATAN!

KEGAGALAN MENYERAHKAN DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI YANG DISENARAIKAN DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BOLEH MENGAKIBATKAN PENGELUARAN **SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA TUAN/PUAN TERGENDALA SEBELUM SESI PTM.**